

Ni k Aziz: Saya tidak perlu bertaubat

UM 28 AUG 2002

KOTA BHARU 27 Ogos — Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, beliau tidak perlu bertaubat kerana tidak melakukan kesalahan pada sisi agama apabila menyamakan sifat Tuhan dengan manusia.

Malah, katanya, mereka yang meminta beliau supaya bertaubat berhubung tafsiran 'Allah samseng' termasuk Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman, perlu membuktikan bahawa kenyataannya salah dari segi akidah Islam dan bukannya terus mendesak beliau untuk mengaku salah dan bertaubat.

Lagi pun, katanya, dalam hal ini tidak berbangkit beliau mesti bertaubat sebab Abdul Hamid sudahpun mengaku sifat Tuhan memang serupa sifat manusia, cuma tidak serupa tarafnya.

"Tolong ajar dan tolong terjemah sendiri dengan terjemahan yang tidak menyerupai sifat manusia, tetapi sampai sekarang (siapapun) tidak terjemah lagi," katanya yang juga Menteri Besar kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan kenyataan Abdul Hamid yang meminta Nik Abdul Aziz bertaubat kerana "menyamakan sifat buruk manusia dengan Allah, satu kesalahan besar dalam akidah Islam apabila memanggil Allah samseng."

Mengenai dakwaan Abdul Hamid bahawa beliau mungkin berpegang dengan satu mazhab yang ditolak oleh Ahli Sunah Waljamaah yang mengambil kira maksud batin dan bukannya zahir yang dilafazkan, Nik Abdul Aziz berkata: "Itu mengarut, sudah lari perkara asal yang suruh saya bertaubat kerana menyamakan sifat Tuhan dengan sifat manusia."

Berhubung kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa beliau tidak pernah ingin mengakui kelemahan diri walau pun telah berdosa mengatakan Allah itu samseng, Nik Abdul Aziz berkata, ia tidak benar.

Menurutnya, beliau pernah mengaku 'tidak tahu' apabila menjawab pertanyaan seorang wartawan mengenai satu isu tidak lama dahulu.

"Islam ajar yang tahu kena sebut tahu dan yang tidak tahu, kena kata tak tahu," katanya.